

**MAS Terputus Hubungan Dengan Pesawat MH17 Dari Amsterdam**  
**Bernama**  
**July 17, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Syarikat Malaysia Airlines (MAS) telah terputus hubungan dengan pesawat Penerbangan MH17 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur yang dilaporkan terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia pada Khamis.

MAS dalam tweet terbaharunya berkata kedudukan terakhir pesawat itu adalah di ruang udara Ukraine.

"Butiran lanjut akan menyusul," katanya.

Sementara itu, jurucakap MAS berkata syarikat penerbangan itu tidak dapat mengesahkan laporan agensi berita antarabangsa mengenai insiden itu dan masih menyasat perkara berkenaan.

"Sebaik kita mendapat butiran lanjut, kami akan memaklumkan kepada media," katanya.

Agensi berita antarabangsa melaporkan sebuah pesawat Malaysia yang membawa 295 penumpang terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia.

Ia berkata pesawat Boeing itu dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054389>